



GREAT Multi Cancer Care¹

Jagaan menyeluruh bagi setiap peringkat kanser



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jagaan menyeluruh bagi setiap peringkat kanser

Sesiapa sahaja boleh mengalami kanser pada bila-bila masa. Pengesanan dan rawatan awal penting bagi memberikan anda peluang terbaik untuk sembuh serta anda juga akan berasa tenang apabila memiliki jaminan perlindungan kewangan untuk menguruskan kanser jika ia berlaku lagi bagi peringkat seterusnya.

GREAT Multi Cancer Care ialah pelan perlindungan menyeluruh yang boleh membantu anda mengharungi setiap peringkat bagi berjuang melawan kanser. **GREAT Multi Cancer Care** menyediakan perlindungan keselamatan kewangan pada saat anda memerlukannya, sama ada bagi peringkat awal, pertengahan atau peringkat akhir. Dengan perlindungan sehingga umur 85 tahun hari jadi berikut dan jumlah pembayaran sehingga 360% daripada jumlah asurans asas, anda boleh meneruskan kehidupan bersama orang tersayang serta mengetahui anda akan dilindungi bagi setiap peringkat kehidupan anda.



Manfaat sepintas lalu



Perlindungan menyeluruh terhadap kanser



Manfaat tambahan bagi membantu anda pulih



Perlindungan awal terhadap tumor



Sokongan kewangan untuk orang tersayang



Sehingga 150% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar apabila polisi matang



Penaja jaminan berasaskan kanser



Perlindungan menyeluruh terhadap kanser

GREAT Multi Cancer Care menyediakan perlindungan menyeluruh bagi kanser peringkat awal dan peringkat seterusnya sehingga umur 85 tahun hari jadi berikut, agar anda berasa tenang. Sekiranya kanser berlaku, anda akan mempunyai sumber kewangan untuk menguruskannya daripada manfaat yang boleh dibayar.

No.	Peringkat Kanser	Manfaat yang Dibayar
1	Peringkat Awal	50% daripada jumlah asurans asas
2	Peringkat Pertengahan	100% daripada jumlah asurans asas
3	Peringkat Akhir	100% daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar, mana yang lebih tinggi

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat tambahan bagi membantu anda pulih

Berpeluang untuk berehat tanpa kerisauan adalah penting untuk pemulihan. Oleh itu, apabila didiagnosis dengan Kanser Peringkat Akhir, anda akan menerima Manfaat Pemulihan Semula tambahan sebanyak 50% daripada jumlah asurans asas bersama Manfaat Kanser Peringkat Akhir. Selain itu, tambahan sebanyak 50% daripada jumlah asurans asas akan dibayar selepas satu tahun dari tarikh diagnosis Kanser Peringkat Akhir dan kemudian, polisi anda akan ditamatkan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan awal terhadap tumor

Pengesanan awal adalah sangat penting, oleh itu, dengan GREAT Multi Cancer Care mempersiapkan anda bagi keadaan yang tidak dijangka, sekiranya tumor benigna yang disyaki malignan telah dikesan. Jika anda menjalani pembedahan secara pemotongan untuk membuang tumor benigna pada organ atau kawasan atau ruang anatomi yang dilindungi, tambahan 10% daripada jumlah asurans asas akan dibayar, tertakluk pada amaun maksimum sebanyak RM25,000 bagi setiap hayat.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Sokongan kewangan untuk orang tersayang

Jika sesuatu yang tidak diingini berlaku, yakinlah bahawa orang tersayang anda akan mendapat perlindungan yang sewajarnya. Mereka akan menerima Manfaat Kematian iaitu amaun yang lebih tinggi daripada premium keseluruhan yang telah dibayar atau nilai tunai dalam satu jumlah sekali gus.

Sebagai tambahan pada Manfaat Kematian, orang tersayang anda juga akan menerima amaun tambahan iaitu Manfaat Pengebumian seperti berikut:

Tahun Polisi	Manfaat Pengebumian (% daripada Jumlah Asurans Asas)
1 – 10	1%
11 – 20	2%
21 – 30	3%
31 – 40	4%
41 – 50	5%
51 – 60	6%
61 – 70	7%
71 – 80	8%
81 – 84	9%

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Sehingga 150% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar apabila polisi matang

Jika semuanya berjalan lancar dan anda masih hidup sehingga ulang tahun polisi apabila anda berumur 85 tahun hari jadi berikut, manfaat berikut akan dibayar kepada anda:

Umur Kemasukan Hari Jadi Berikut	Manfaat Matang
40 dan ke bawah	150% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar
Atas 40	100% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Penaja jaminan berasaskan kanser

Proses pendaftaran lebih mudah kerana kelayakan anda untuk GREAT Multi Cancer Care hanya mengambil kira keadaan perubatan dan sejarah keluarga anda yang berkaitan dengan kanser sahaja.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Ringkasan Jadual Perlindungan & Manfaat

No.	Manfaat		Bayaran	
1	Manfaat Kanser	Kanser Peringkat Awal i) Karsinoma In Situ (“CIS”) ii) Kanser Prostat Peringkat Awal iii) Kanser Tiroid Peringkat Awal iv) Kanser Pundi Peringkat Awal v) Leukemia Limfosit Kronik Peringkat Awal	50% daripada jumlah asurans asas	
		Kanser Peringkat Pertengahan	100% daripada jumlah asurans asas	
		Kanser Peringkat Akhir	100% daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar, mana yang lebih tinggi	
2	Manfaat Pemulihan Semula		Sehingga 100% daripada jumlah asurans asas	
3	Manfaat Pembedahan bagi Membuang Tumor Benigna yang Disyaki Malignan		10% daripada jumlah asurans asas	
4	Manfaat Kematian		Premium keseluruhan yang telah dibayar atau nilai tunai, mana yang lebih tinggi	
5	Manfaat Pengebumian		1% daripada jumlah asurans asas dan meningkat sebanyak 1% selepas setiap 10 tahun polisi.	
6	Manfaat Matang		Umur Kemasukan Hari Jadi Berikut	Manfaat Matang
			40 dan ke bawah	150% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar
			Atas 40	100% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar

Nota:

- i) Manfaat bagi setiap peringkat akan dibayar sekali sahaja. Selepas tuntutan dibenarkan, tiada tuntutan masa hadapan boleh dibuat untuk peringkat yang lebih rendah.
- ii) Jika *Kanser Peringkat Pertengahan* didiagnosis dalam masa 6 bulan dari tarikh diagnosis *Kanser Peringkat Awal*, manfaat *Kanser Peringkat Pertengahan* tertakluk pada penolakan amaun tuntutan bagi *Manfaat Kanser Peringkat Awal*.
- iii) Jumlah asurans asas yang dibayar bagi *Manfaat Kanser Peringkat Akhir* tertakluk pada penolakan amaun tuntutan untuk *Manfaat Kanser Peringkat Awal* jika:
 - a) *Kanser Peringkat Akhir* didiagnosis dalam masa 3 bulan dari tarikh diagnosis *Kanser Peringkat Awal*; dan
 - b) *Kanser Peringkat Awal* pada organ yang sama atau bahagian yang sama bagi pasangan organ.
- iv) Tempoh menunggu selama 60 hari akan digunakan bagi *Manfaat Kanser* dan *Manfaat Pembedahan bagi Membuang Tumor Benigna yang Disyaki Malignan*.
- v) Apabila tuntutan dibuat bagi *Kanser Peringkat Awal* atau *Pertengahan*, premium akan kekal sama.
- vi) Jika didiagnosis dengan *Kanser Peringkat Akhir*, premium yang perlu dibayar bagi pelan ini tidak perlu dibayar lagi dan semua manfaat akan dihentikan, kecuali *Manfaat Pemulihan Semula*.
- vii) Tertakluk pada terma dan syarat.

Gambaran Manfaat

Bagaimana GREAT Multi Cancer Care memanfaatkan anda:

SENARIO 1



1 APRIL 2022

Seorang lelaki tidak merokok berusia 30 tahun membeli GREAT Multi Cancer Care dengan **jumlah asurans asas sebanyak RM100,000.**



1 APRIL 2023

Dia menjalani **pembedahan secara pemetongan bagi membuang tumor benigna** pada paru-parunya dan menerima **10%** daripada jumlah asurans asas, iaitu sebanyak **RM10,000.**



1 APRIL 2024

Dia didiagnosis dengan **Kanser Peringkat Awal** dan menerima **50%** daripada jumlah asurans asas, iaitu sebanyak **RM50,000.**



1 APRIL 2025

Dia didiagnosis dengan **Kanser Peringkat Pertengahan** dan menerima **100%** daripada jumlah asurans asas, iaitu sebanyak **RM100,000.**



1 APRIL 2026

Dia didiagnosis dengan **Kanser Peringkat Akhir** dan jumlah asurans asas beliau adalah lebih tinggi daripada premium keseluruhan yang telah dibayar, jadi dia menerima:

- **Manfaat Kanser Peringkat Akhir: 100%** daripada jumlah asurans asas, iaitu sebanyak **RM100,000;** dan
- **Manfaat Pemulihan Semula** sebanyak **50%** daripada jumlah asurans asas, iaitu sebanyak **RM50,000.**



1 APRIL 2027

Dia menerima **tambahan 50%** daripada jumlah asurans asas sebagai Manfaat Pemulihan Semula, iaitu sebanyak **RM50,000** dan kemudian polisi akan ditamatkan.

MANFAAT PEMBEDAHAN BAGI MEMBUANG
TUMOR BENIGNA YANG DISYAKI MALIGNAN:

RM10,000

MANFAAT KANSER PERINGKAT AWAL:

RM50,000

MANFAAT KANSER PERINGKAT PERTENGAHAN:

RM100,000

MANFAAT KANSER PERINGKAT AKHIR:

RM100,000

MANFAAT PEMULIHAN SEMULA:

RM50,000

MANFAAT PEMULIHAN SEMULA TAMBAHAN:

RM50,000



JUMLAH BAYARAN:

360%

**DARIPADA JUMLAH
ASURANS ASAS**

Polisi Ditamatkan

Gambaran Manfaat (Sam'b)

SENARIO 2



1 APRIL 2022

Seorang lelaki tidak merokok berusia 30 tahun membeli GREAT Multi Cancer Care dengan **jumlah asurans asas sebanyak RM100,000.**



1 APRIL 2023

Dia didiagnosis dengan **Kanser Peringkat Awal** dan menerima **50%** daripada jumlah asurans asas, iaitu sebanyak **RM50,000.**



1 SEPTEMBER 2023

Dia didiagnosis dengan **Kanser Peringkat Pertengahan** dan menerima **50%** daripada jumlah asurans asas, iaitu sebanyak **RM50,000.**



1 APRIL 2077

Dia tidak membuat tuntutan lain sehingga **polisi matang** dan menerima **150%** daripada premium keseluruhan yang telah dibayar, iaitu sebanyak **RM115,912.50.**

MANFAAT KANSER PERINGKAT AWAL: **RM50,000**

MANFAAT KANSER PERINGKAT

PERTENGAHAN:

RM50,000

MANFAAT MATANG:

RM115,912.50

JUMLAH BAYARAN:

RM215,912.50

Pulangan Tahunan* Anda:

Manfaat dijamin = 1.37% setahun

** Jika anda ingin mendapatkan suatu polisi insurans dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan bagi polisi ini dengan pulangan berkesan bagi alternatif pelaburan yang lain.*

Nota: Contoh di atas untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Jadual Kadar Premium Tahunan

Umur Hari Jadi Berikut	Bagi Setiap RM1,000 Jumlah Asurans (RM)			
	Lelaki		Wanita	
	Tidak Merokok	Merokok	Tidak Merokok	Merokok
1	5.40	5.40	6.50	6.50
2	5.40	5.40	6.50	6.50
3	5.45	5.45	7.45	7.45
4	5.45	5.45	7.45	7.45
5	5.50	5.50	7.70	7.70
6	5.80	5.80	8.00	8.00
7	5.80	5.80	8.00	8.00
8	6.00	6.00	8.25	8.25
9	6.05	6.05	8.65	8.65
10	6.40	6.40	9.00	9.00
11	6.65	6.65	9.40	9.40
12	6.95	6.95	9.95	9.95
13	7.30	7.30	10.60	10.60
14	7.70	7.70	11.15	11.15
15	8.00	8.00	11.70	11.70
16	8.10	8.75	12.25	12.60
17	8.60	9.50	12.40	13.50
18	8.90	10.25	12.45	14.40
19	9.10	11.00	12.50	15.30
20	9.35	11.60	12.65	16.00
21	9.65	12.15	12.70	17.00
22	10.15	12.70	13.50	17.90
23	10.65	13.30	14.25	18.80
24	11.15	13.90	15.10	19.70
25	11.70	14.50	15.90	20.60
26	12.20	15.20	16.70	21.55
27	12.70	15.90	17.45	22.70
28	13.20	16.60	18.15	23.85

Jadual Kadar Premium Tahunan

(Sam'b)

Umur Hari Jadi Berikut	Bagi Setiap RM1,000 Jumlah Asurans (RM)			
	Lelaki		Wanita	
	Tidak Merokok	Merokok	Tidak Merokok	Merokok
29	13.70	17.30	18.90	25.05
30	14.05	17.85	19.65	26.20
31	14.80	18.65	20.40	27.40
32	15.55	19.80	21.60	28.75
33	16.30	21.05	22.70	30.15
34	17.05	22.30	23.90	31.50
35	17.80	23.50	25.00	32.90
36	18.90	24.85	26.50	35.05
37	20.00	26.20	28.00	37.20
38	21.10	27.55	29.50	39.35
39	22.20	28.90	31.00	41.50
40	23.30	30.25	32.45	43.50
41	24.50	32.25	33.55	45.80
42	25.70	34.25	34.65	48.10
43	26.90	36.25	35.75	50.40
44	28.10	38.25	36.85	52.70
45	29.25	40.05	37.95	55.00
46	31.35	44.10	40.00	59.40
47	33.90	48.15	42.05	63.80
48	36.35	52.20	44.10	68.20
49	38.85	56.25	46.15	72.60
50	41.30	60.25	48.00	76.95
51	46.00	70.30	51.35	83.35
52	50.70	80.35	54.70	89.75
53	55.40	90.40	58.05	96.15
54	60.10	100.45	61.40	102.55
55	64.70	110.45	64.70	108.90

Jadual Kadar Premium Tahunan

(Sam'b)

Umur Hari Jadi Berikut	Bagi Setiap RM1,000 Jumlah Asurans (RM)			
	Lelaki		Wanita	
	Tidak Merokok	Merokok	Tidak Merokok	Merokok
56	71.90	128.50	72.30	125.60
57	79.10	146.55	79.90	142.30
58	86.30	164.60	87.50	159.00
59	93.50	182.65	95.10	175.70
60	100.70	200.60	102.55	192.30

Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan kadar premium, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum semakan dilakukan. Semakan semula, jika ada, akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan untuk semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah 30 hari dan umur kemasukan maksimum ialah 60 tahun hari jadi berikut.

S: Berapakah jumlah asurans yang boleh dibeli?

J: Jumlah asurans minimum bagi pelan ini ialah RM50,000 dan jumlah asurans maksimum ialah RM500,000 bagi setiap hayat, tertakluk pada keperluan taja jamin yang berkenaan.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

- J: i) Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- ii) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Manfaat Kanser, Manfaat Pemulihan Semula dan Manfaat Pembedahan bagi Membuang Tumor Benigna yang Disyaki Malignan jika kanser atau tumor benigna:
- sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
 - sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu.
 - sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
 - telah didiagnosis, secara langsung atau tidak langsung, disebabkan kecacatan atau penyakit kongenital, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 hari jadi berikut.

Pengecualian yang dinyatakan di sini adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran premium?

J: Anda boleh bayar menggunakan kad kredit, JomPAY, perbankan internet, GIRO, ePAY atau Bank Pemungut (melalui kaunter, mesin juruwang automatik (ATM) & mesin deposit cek). Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Walau bagaimanapun, cek tidak dibenarkan untuk jenis bayaran bulanan.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT Multi Cancer Care tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Notis penting

GREAT Multi Cancer Care ialah pelan seumur hidup tanpa penyertaan dalam keuntungan yang matang pada umur 85 tahun hari jadi berikut. Premium hendaklah dibayar sehingga umur 85 tahun hari jadi berikut atau sehingga tuntutan telah dibuat untuk Kanser Peringkat Akhir atau sehingga polisi tamat, mana yang berlaku dahulu.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, premium penuh akan dibayar balik kepada pemilik polisi ditolak dengan perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada. Jika anda menukar polisi dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Polisi mungkin tidak mempunyai nilai tunai minimum yang dijamin semasa penamatan sehingga anda telah membayar premium selama dua tahun. Jika anda menyerahkan polisi anda lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar. Jika anda berhenti membayar premium sebelum tempoh akhir pembayaran premium, pinjaman premium automatik akan berkuat kuasa di bawah polisi anda untuk membayar premium pada masa depan asalkan nilai tunai melebihi jumlah hutang. Syarikat akan mengenakan faedah bagi pinjaman di atas pada kadar faedah yang akan ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati melalui laman sesawang Syarikat. Pemberhentian pembayaran premium sebelum tempoh akhir pembayaran premium mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan lebih awal.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat yang dinyatakan pada polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern Life anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity
Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma Great Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma Great Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma Great Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma Great Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma Great Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ **03-4259 8888**

📠 **03-4259 8000**

✉ **wecare-my@greateasternlife.com**

🌐 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk mendapatkan maklumat hubungan yang terkini, sila layari laman sesawang Syarikat.